



# Bayi Baru Lahir Diancam Jaundis

**J**aundis atau penyakit kuning ialah keadaan yang mengancam kesihatan bayi yang baru lahir. Jaundis berlaku disebabkan oleh gangguan dan peningkatan satu daripada komponen darah yang dikenali sebagai bilirubin secara tiba-tiba di dalam tubuh bayi.

Bilirubin ialah hasil buangan apabila sel darah merah yang tua atau lama dihapuskan di hati. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia didapati bahawa lebih kurang 50 peratus bayi yang baru lahir menghidap jaundis. Selain itu, peratusan penyakit jaundis makin meningkat dari tahun ke tahun.

Kadar bilirubin meningkat apabila penghasilannya lebih tinggi berbanding dengan kadar bilirubin yang mampu dikeluarkan oleh tubuh. Jika kadar bilirubin melebihi lima miligram per

desiliter, warna kulit dan mata bayi kuning.

Yang sebenarnya, penyakit kuning pada bayi biasa berlaku antara tiga hingga empat hari setelah kelahiran dan sembuh setelah satu hingga dua minggu. Namun begitu, ada juga bayi yang kelihatan kuning atau kadar bilirubinnya tinggi di dalam tubuh dalam masa 24 jam selepas kelahiran. Keadaan ini dikenali sebagai hiperbilirubinemia.

Jika rawatan segera tidak dijatani, komplikasi, seperti gangguan pendengaran dan kerosakan otak yang



Bayi perlu dibangunkan untuk menyusu dalam tempoh setiap dua jam.

teruk (kernikterus), berlaku. Keadaan ini juga menyebabkan kematian. Hal ini terjadi, jika tiada tindakan susulan yang drastik dilakukan disebabkan oleh faktor kematangan organ bayi yang tidak mampu menahan perubahan patologi dan fisiologi dalam masa yang singkat.

Tanda awal jaundis ialah warna bahagian mata putih dan kulit kuning, serta warna air kencing lebih gelap. Tanda yang berbahaya ialah warna kulit bahagian dada kuning, warna kuning dikesan dalam tempoh 24 jam setelah bayi dilahirkan, tempoh warna kuning

pada bayi melebihi 14 hari umurnya, bayi kurang aktif, bayi enggan menyusu dan warna najis bayi pucat.

Bilirubin berasal daripada sel darah merah. Apabila sel darah dileraikan, bilirubin dihasilkan. Bilirubin diproses oleh hati dan disingkirkan menerusi proses perkumuhan, iaitu pembuangan najis dan air kencing. Bagi bayi yang kurang makan dan mempunyai gerakan usus yang lebih sedikit atau lemah kurang bilirubin dihapuskan melalui najis.

Di samping itu, keadaan ini juga dapat berlaku disebabkan oleh

Jadual 1 Diagnosis bilirubin.

Ujian	Fungsi
Ujian Bilirubin	Ujian bilirubin dilakukan dengan menggunakan bilirubinometer, iaitu sejenis peralatan kecil yang digunakan untuk memancarkan cahaya kepada kulit bayi. Ujian ini dilakukan untuk mengukur tahap bilirubin dengan menganalisis cara cahaya dipantulkan dan diserap oleh kulit bayi.
Ujian Darah	Sampel darah diambil daripada tumit kaki bayi. Tahap bilirubin dalam bahagian cecair darah (serum) diukur dan dianalisis.
Ujian Air Kencing	Ujian ini dilakukan untuk menguji kehadiran urobilinogen yang dihasilkan apabila bilirubin terurai.
Biopsi hati	Ujian ini dilakukan untuk menganalisis fisiologi tisu hati yang terjejas disebabkan oleh sirosis atau kanser hati.

ketidakserasian kumpulan darah antara bayi dengan ibu. Jika bayi mempunyai jenis darah yang berbeza daripada ibu, ibu menghasilkan antibodi yang memusnahkan sel darah merah bayi. Keadaan ini menyebabkan pembentukan bilirubin yang banyak dalam darah bayi.

Jaundis jenis ini dapat bermula seawal hari pertama kehidupan. Kumpulan rhesus yang bertalian antara ibu dengan anak juga menyebabkan jaundis yang paling teruk. Terlalu banyak sel darah merah (polisitemia) dan bayi pramatang yang lahir sebelum 38 minggu yang fungsi hatinya masih belum sempurna.

Di samping itu, jaundis juga berlaku disebabkan oleh komplikasi ketika melahirkan anak secara tidak normal, iaitu menerusi kaedah vakum. Selain itu, keadaan luar biasa, seperti hipotirodisme, jangkitan kuman, ibu menyusu yang memakan jamu atau ubat tradisional tertentu dan anak yang tidak menyusu secukupnya juga menjadi penyebab jaundis.

Jaundis susu ibu dapat berlaku disebabkan oleh kandungan susu ibu yang luar biasa yang mungkin mengandungi beta glukoronidase yang dapat merencatkan pemrosesan

bilirubin. Antara gejala yang berlaku bersama-sama dengan penyakit kuning termasuklah penyakit kulit, mukosa dan wama bahagian putih mata (sklera) kuning.


Selain itu, warna najis pesakit putih dan wama air kencing gelap. Gejala lain ialah mual dan muntah, sakit perut, demam, lemah badan, nafsu makan menurun, sakit kepala, kaki bengkak dan perut membesar. Penyakit kuning yang tidak normal pada bayi juga dapat menyebabkan gejala, seperti sukar untuk meminum susu ibu, lemas, suara tangisan melengking dan kekejangan.

Bagi rawatan penyakit jaundis, beberapa kaedah digunakan. Fototerapi ialah kaedah yang paling berkesan untuk mengurangkan kekuningan bayi pada abad ini. Dalam rawatan ini, sumber cahaya biru dengan jarak gelombang lebih kurang 450 nm digunakan. Menerusi kaedah ini, bilirubin yang berbahaya ditukarkan kepada bilirubin yang larut di dalam air untuk dikeluarkan daripada badan. Cara menggunakan kaedah fototerapi yang berkesan adalah dengan meletakkan sumber cahaya lebih kurang antara 35 cm hingga 50 cm daripada bayi.

Semua pakaian bayi dibuka kecuali lampin. Mata bayi pula ditutup. Cahaya lampu dipancar pada setiap masa, iaitu 24 jam, kecuali ketika mandi, minum susu, menukar lampin dan mengambil darah. Posisi bayi dialih-alih setiap dua hingga tiga jam. Ada banyak kajian yang menunjukkan bahawa terapi lampu menyebabkan bayi kurang air. Oleh sebab itu, air dimasukkan melalui salur darah.

Paras bilirubin hanya dapat disukat menerusi pemeriksaan darah kerana pemerhatian visual tidak tepat. Risiko peningkatan mendadak semula dapat berlaku setelah rawatan lampu dihentikan.

Rawatan pertukaran darah dilakukan, jika rawatan lampu (fototerapi) tidak berjaya mengurangkan paras bilirubin. Dalam rawatan pertukaran darah, darah bayi dikeluarkan secara perlahan-lahan oleh doktor secara manual menerusi prosedur ringkas dan digantikan dengan darah baharu yang



Fototerapi ialah rawatan yang berkesan bagi bayi yang mengalami jaundis.

diambil daripada bank darah. Tempoh proses ini antara lima jam hingga enam jam. Doktor mengeluarkan darah bayi dengan perlahan-lahan melalui tiub yang dipasang di salur darah pada pusatnya (tali pusat masih baru) dan memasukkan darah baru secara perlahan-lahan melalui tiub yang lain.

Di samping itu, penyakit yang menyebabkan gejala kuning dapat dicegah dengan cara mengelakkan pengambilan alkohol. Alkohol dapat menyebabkan penyakit hepatitis alkoholik, hipertensi dan pankreatitis. Vaksin hepatitis dan profilaksis malaria perlu diambil apabila bergerak ke kawasan yang endemik. Yang seterusnya, tingkah laku yang berisiko untuk dijangkiti oleh hepatitis B, seperti penggunaan dadah suntikan atau seks bebas, dielakkan. Kebersihan dijaga untuk menghindarkan makanan yang dicemari oleh virus hepatitis A.

Pengambilan ubat yang dapat menyebabkan hemolisis, terutamanya bagi orang yang mengalami kekurangan

G-6PD dielakkan, begitu juga ubat atau jamu yang dapat merosakkan hati, kecuali ubat yang sangat diperlukan.

Ibu perlu bertanggungjawab dalam usaha untuk menangani penyakit jaundis. Ibu tidak boleh membiarkan

bayi tidur lena dalam tempoh yang lama. Apabila bayi tidur terlalu lama tahap bilirubin meningkat kerana bayi tidak dapat menyusu dengan lebih kerap.

Oleh sebab itu, bayi dikejutkan atau dibangunkan untuk menyusu dalam tempoh setiap dua jam. Makin banyak susu ibu diberi, makin galak gerakan usus, seterusnya bilirubin dapat dikeluarkan melalui najis. Bayi dipastikan menyusu setiap dua jam atau 12 kali sehan.

Di samping itu, ibu tidak boleh memberikan air masak kepada bayi kerana tidak memberikan tenaga atau khasiat kepada bayi. Pemberian susu formula kepada bayi sebaik-baik sahaja dilahirkan perlu dielakkan. Yang sebaliknya, rangsangan perlu diberikan lebih banyak supaya bayi dapat menghisap susu ibu dengan lebih sempurna.


yang banyak dan berkualiti untuk bayi yang baru dilahirkan.

Selain itu, ibu juga perlu mengelakkan kerisauan atau tekanan. Hal ini dapat menyebabkan susu merosot atau sukar keluar untuk dihisap oleh bayi dengan sempurna. Bayi juga boleh dijemur pada cahaya matahari pagi, tetapi secara tidak langsung. Hal ini memadai dilakukan dengan cara membuka tingkap dan mengenakan cahaya yang samar kepada bayi antara pukul 8.30 pagi hingga 9.30 pagi.

Kesedaran dan pengetahuan tentang penyakit ini amat penting dalam kalangan masyarakat, khususnya ibu yang mengandung dan ahli keluarganya. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan penghidap penyakit ini ialah bayi. Pelbagai langkah berjaga-jaga harus dilakukan supaya masalah ini tidak berlarutan, seterusnya menyebabkan kecacatan sementara dan kekal, serta kematian bayi yang baru lahir.

Pemberian susu formula kepada bayi sebaik-baik sahaja dilahirkan perlu dielakkan. Yang sebaliknya, rangsangan perlu diberikan lebih banyak supaya bayi dapat menghisap susu ibu dengan lebih sempurna.

Penulis Penyarah Kanan Sekolah Sains Kesihatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian.



Bilirubinometer kecil digunakan untuk mengukur tahap bilirubin.